

“Kolej TAR perlu ubah falsafah”

PM: TERIMA LEBIH RAMAI BUKAN CINA

6 OCT 1991

KUALA LUMPUR 5 Okt. — Perdana Menteri, **Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad** menegaskan, Kolej Tunku Abdul Rahman (KTAR) perlu mengubah falsafahnya yang sudah lapuk dan menerima masuk lebih ramai penuntut bukan Cina.

Menurut beliau, falsafah kolej itu yang digubal pada tahun enam puluhan sudah lapuk dan perlu ditukar agar sealign dengan konteks negara Malaysia masa kini dan matlamat membentuk Malaysia yang beridentiti serta bersatu padu.

“Kerajaan tidak suka memaksa dan lebih suka kepada tindakan sukarela... oleh itu, terpulanglah kepada kolej ini memikirkan masa depannya,” tegas beliau ketika berucap di majlis konvokesyen KTAR di Dewan Lee San Choon, Wisma MCA di sini hari ini.

Bercakap kepada para pemberita selepas itu, Perdana Menteri berkata, kajian perlulah dilakukan untuk mengetahui sebab-sebab tidak ramai penuntut dari kaum lain belajar di kolej itu meskipun dibuka kepada semua kaum.

Kolej tajaan MCA di Jalan Genting Klang di sini kini mempunyai kira-kira 8,000 pelajar.

Beliau juga membenarkan, pada pandangannya, pencapaian kolej ini terlalu tinggi sehingga menyebabkan ramai kaum lain tidak sanggup memasukinya dan kajian juga perlulah dilakukan bagaimana untuk mengatasi masalah ini.

Dato' Sri Dr. Mahathir juga berkata, sekiranya masalah pengiktirafan sijil KTAR menjadi satu penghalang kerajaan akan menjalankan satu kajian mengenainya.

“Tetapi beliau menegaskan apa yang penting ialah semua kaum perlu mendapat nikmat yang sama,” ujarnya.

Dalam ucapannya pula, Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, Malaysia telah mencapai banyak kemajuan dan walaupun Dasar Ekonomi Baru (DEB) berjaya meningkatkan pencapaian bumiputera, hakikatnya kedudukan bumiputera dalam bidang pelajaran masih ketinggalan.

Beliau berkata, peratusan profesional bumiputera masih terlalu rendah berbanding dengan jumlah penduduk bumiputera.

Oleh itu katanya, adalah wajar peluang yang lebih diberi ke-

LIHAT MUKA 15

TERIMA LEBIH RAMAI BUKAN CINA

1 - OCT 1991

pada bumiputera seperti kuota dalam kemasukan ke universiti dan institusi seperti Institut Teknologi MARA (ITM).

Pada masa yang sama, beliau menambah peluang pelajaran untuk bukan bumiputera sudah bertambah kerana kemampuan dan peluang yang terbuka luas untuk mereka menuntut di luar negeri.

Walaupun kerajaan memberi banyak biasiswa kepada bumiputera untuk melanjutkan pelajaran ke luar negeri tetapi rata-rata ia hanya 15 peratus sahaja daripada jumlah penuntut Malaysia dan keadaan ini menjejaskan usaha mengimbangkan bilangan penuntut bumiputera dengan bukan bumiputera.

Di samping itu, institusi pelajaran bukan kerajaan dalam negeri telah ditambah dan ini diikuti dengan program universiti kembar luar negeri yang membolehkan lebih ramai rakyat mendapat pelajaran dengan mudah kosnya yang rendah.

"Inilah senario yang

terdapat sekarang, dan soal yang perlu ditanya ialah apakah peranan yang harus diainkan oleh Kolej Tunku Abdul Rahman kerana peluang pelajaran untuk semua kaum telah banyak berubah.

"Apakah ciri-ciri eksklusif dan pendekatan kolej ini masih diperlukan dan dalam hal ini, apakah kaum bukan bumiputera perlu curiga dengan masa depan mereka dan bahagian mereka dalam kemajuan negara ini," tanya Perdana Menteri.

Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, pada tahun 2020, isu keturunan sepatutnya sudah tidak berkaitan (irrelevant) lagi kerana masing-masing seharusnya berupaya bersaing tanpa sebarang masalah dan kekurangan.

Bangsa Malaysia pada tahun 2020, akan mempunyai identiti yang tersendiri, tidak bercorak negara asal mana-mana kaum di mana akan wujud budaya dan seni yang khusus berbentuk Malaysia, kata Perdana Menteri.

Pada ketika itu, tambah beliau, keyakinan semua warganegara akan kebolehan mereka adalah sama dalam semua bidang mana pencapaian tidak dapat dikaitkan dengan kaum.

"Ke arah Wawasan 2020, apakah Kolej Tunku Abdul Rahman perlu mengekalkan falsafahnya kerana perkembangan yang berlaku sekarang memerlukan perubahan pandangan kolej ini?" tanya Perdana Menteri lagi.

Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, integrasi kaum yang paling berkesan berlaku di sekolah dan kini rarnai ibu bapa bukan bumiputera menghantar anak mereka ke Sekolah Rendah Kebangsaan.

"Perbuatan ini tidak akan menjadikan anak mereka orang Melayu tetapi sebaliknya akan membentuk peribadi Malaysia tanpa menghapuskan unsur keturunan," tegas beliau.

Beliau berkata, mereka yang mudah bercampur gaul sesuai dengan masyarakat Malaysia yang diidam-idamkan bagi menjamin negara ini lebih selamat dan berjaya di masa hadapan.

Untuk mencapai matlamat ini, beliau menambah, semua pihak haruslah membendung sentimen yang tidak seialiran dengan hasrat negara Malaysia yang bersatupadu, beridentiti Malaysia dan berdaya maju ke tahap yang dituju pada tahun 2020.